

JKDM rampas 3.825kg ganja

Johor Bahru: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Johor mematahkan dua cubaan pengedaran dadah membabitkan rampasan keseluruhan sebanyak 3.825 kilogram (kg) ganja dalam serbuan berasingan di Pekan Nenas dan Terminal Feri Batu Pahat, bulan lalu.

Pengarah JKDM Johor Aminul Izmeer Mohd Sohaimi berkata, dalam operasi pertama jam 5 petang pada 21 Mei lalu, sepasukan anggota dari Cawangan Narkotik Johor berjaya mengesan aktiviti pengedaran dadah menggunakan perkhidmatan kurier di kawasan Pekan Nenas.

Menurutnya, pemeriksaan terhadap dua bungkusan mencurigakan yang dihantar melalui perkhidmatan itu menemui dua ketulan mampat yang disyaki ganja seberat 130 gram dan 97 gram.

"Susulan itu seorang lelaki disyaki bertindak sebagai penghantar ditahan untuk siasatan lanjut.

"Pemeriksaan lanjut membawa kepada penemuan sebuah beg warna hitam mengandungi tumbukan disyaki ganja seberat 55 gram, tiga botol alat penghisap dadah serta satu alat pengisar.

"Jumlah rampasan kese-

luruhan bagi kes pertama itu dianggarkan seberat 762 gram dengan nilai pasaran sekitar RM22,860.

"Dalam serbuan itu juga, sebuah motosikal yang dipercayai digunakan dalam kegiatan terbabit turut disita dengan nilai anggaran RM10,000," katanya dalam satu kenyataan media di sini, semalam.

Menurut Aminul Izmeer, operasi kedua yang dilakukan jam 8 malam pada 5 Jun lalu oleh sepasukan anggota Unit Marin dari Cawangan Penguatkuasaan Batu Pahat menyerbu kawasan hutari paya bakau berhampiran Terminal Feri Batu Pahat.

Katanya, serbuan terhadap sebuah bot tidak berdaftar yang ditambat di kawasan berkenaan menemui tiga ketulan mampat ganja disorok dalam bungkusan teh Cina di bahagian hadapan bot berkenaan.

"Dadah yang dirampas itu dianggarkan seberat 3.063kg dengan nilai pasaran RM98,016.

"Sebuah bot yang digunakan untuk kegiatan pengedaran turut disita dengan nilai anggaran RM4,000," katanya.

"Modus operandi sindiket ini menggunakan laluan air bagi mengelak dikesan pihak berkuasa," katanya.



DADAH yang ditemui dalam bungkusan kurier di Pekan Nenas.